



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


2 NOVEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 549 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 218,891 kes. Sebanyak empat (4) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing dua (2) kes di Keningau dan Tawau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 535 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 208,136 orang. Manakala 1,848 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 768 orang di hospital, 1,062 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 17 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 79 orang merangkumi 75 di ICU/repurposed kritikal care serta empat (4) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 24 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 93 (43.06%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Semporna berubah dari zon merah ke zon jingga.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Merah 25 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Hampir semua daerah di Sabah mencatatkan jumlah kes yang lebih tinggi daripada sebelumnya. Setelah merekodkan jumlah kes yang rendah semalam, Sabah mencatat peningkatan kes baharu yang tinggi sebanyak (+156) kes. Jumlah kes yang direkodkan hari ialah (549) kes.
- b Sebanyak 16 daerah mencatatkan peningkatan kes dengan lapan (8) daripadanya mencatatkan peningkatan ketara iaitu Beaufort (+32) kes, Kudat (+19) kes, Kota Belud (+18) kes, Kota Marudu (+18) kes, Tenom (+17) kes, Kinabatangan (+17) kes, Pitas (+13) kes, Lahad Datu (+12) kes dan Ranau (+11) kes.
- c Tujuh (7) daerah merekodkan penurunan namun hanya satu (1) daerah yang menunjukkan penurunan signifikan berbanding semalam iaitu Sipitang dengan (-16) kes. Empat (4) daerah lagi kekal dengan catatan sebagaimana semalam.
- d Daripada (549) kes yang dicatat hari ini, (155) kes adalah kes-kes yang didaftar lewat 2 hari atau lebih selepas keputusan saringan diketahui. Kes-kes baharu yang berlaku dan didaftar dalam tempoh 24 jam yang lalu berjumlah (394) kes daripada jumlah keseluruhan.
- e Kes-kes jangkitan yang dianggap serius kekal rendah. Jumlah kes dalam Kategori 3, dua (2) orang, Kategori 4, lima (5) orang dan Kategori 5, tiga (3) orang. Kebanyakan kes jangkitan adalah dalam Kategori 2, iaitu 465 orang (84.70%) dan Kategori 1, 69 orang (12.57%). (5) kes lagi masih dalam siasatan JKNS.
- f Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (291) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	3	0.55%
2	Bergejala	214	38.98%
3	Kontak	291	53.01%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	41	7.46%
JUMLAH		549	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (01 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 01/11/2021	Catatan Kes 02/11/2021	Perbandingan
1	Beaufort	20	52	+32
2	Kudat	17	36	+19
3	Kota Belud	40	58	+18
4	Kota Marudu	26	44	+18
5	Tenom	15	32	+17
6	Kinabatangan	0	17	+17
7	Pitas	7	20	+13
8	Lahad Datu	9	21	+12
9	Ranau	15	26	+11
10	Sandakan	9	18	+9
11	Beluran	3	12	+9
12	Tawau	19	27	+8
13	Penampang	18	24	+6
14	Kuala Penyu	4	9	+5
15	Kota Kinabalu	62	63	+1
16	Tambunan	18	19	+1
17	Nabawan	6	6	Mendatar
18	Kunak	2	2	Mendatar
19	Kalabakan	0	0	Mendatar
20	Tongod	0	0	Mendatar
21	Sipitang	20	4	-16
22	Telupid	15	6	-9
23	Tuaran	27	20	-7
24	Papar	16	13	-3
25	Keningau	16	14	-2
26	Semporna	4	2	-2
27	Putatan	5	4	-1
JUMLAH		393	549	+156

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (19 Oktober – 01 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	42	16	0	5	63	768
Kota Belud	0	27	28	0	3	58	700
Tuaran	0	5	13	0	2	20	386
Kota Marudu	0	30	11	0	3	44	511
Beaufort	3	29	19	0	1	52	513
Sipitang	0	0	3	0	1	4	183
Tawau	0	19	5	0	3	27	206
Tambunan	0	12	6	0	1	19	271
Penampang	0	9	14	0	1	24	291
Kudat	0	24	11	0	1	36	323
Keningau	0	3	10	0	1	14	378
Papar	0	6	6	0	1	13	298
Ranau	0	1	21	0	4	26	601
Tenom	0	18	14	0	0	32	421
Telupid	0	4	1	0	1	6	111
Lahad Datu	0	14	6	0	1	21	272
Sandakan	0	13	2	0	3	18	177
Pitas	0	8	11	0	1	20	218
Nabawan	0	1	1	0	4	6	66
Putatan	0	1	3	0	0	4	158
Kuala Penyu	0	6	2	0	1	9	59
Semporna	0	0	2	0	0	2	40
Beluran	0	9	2	0	1	12	172
Kunak	0	0	2	0	0	2	41
Kinabatangan	0	10	5	0	2	17	264
Tongod	0	0	0	0	0	0	44
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	15
JUMLAH	3	291	214	0	41	549	7,487

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Beaufort	Kluster Kampung Bawan	3
Jumlah		3

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,106 unit

- Hospital 1,829 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,807 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.27%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 2 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	546
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
Jumlah	549

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	521
Bukan Malaysia	28
Jumlah	549

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	90
Belum Menerima Vaksin	78
Menerima 1 Dos	10
Lengkap 2 Dos	371
Jumlah	549

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	7
1 to 5	42
6 to 11	41
12 to 17	19
18 to 25	76
26 to 59	300
>60	64
Jumlah	549

C TAMBAHAN SUB-KATEGORI BAGI BUKAN WARGANEGERA - PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA SEMENANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN BERKUATKUASA 03 NOVEMBER 2021

Kategori : Bukan Warganegara

Sub-Kategori : Lawatan Sosial

- 1 **Diplomat dan ekspatriat termasuk tanggungan** yang sedang bermastautin di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah **DIBENARKAN** masuk ke Sabah bagi tujuan lawatan sosial tanpa memerlukan Kelulusan Khas Masuk. Golongan ini **WAJIB** memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang **sah tempoh** untuk masuk ke Sabah.
- 2 **Pemegang MyPR bukan Sabah / Kad Permit Masuk / Endosmen Permit Masuk dalam Pasport** yang sedang bermastautin di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan juga adalah **DIBENARKAN** masuk ke Sabah bagi tujuan lawatan sosial tanpa memerlukan Kelulusan Khas Masuk. Golongan ini **WAJIB** mengemukakan Pasport semasa pemeriksaan imigresen di pintu-pintu masuk Sabah.

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 1 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 10,818 orang. Daripada jumlah ini, seramai 8,072 orang adalah penduduk dewasa dan 2,746 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 1 November 2021 adalah seramai 2,426,374 orang. Ini meliputi 2,097,366 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.04% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,336,182 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,056,071 orang atau 74.54% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 329,008 orang atau 75.81% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 280,111 atau 64.54% orang setakat ini.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **664,392** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM /INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 12 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 9,016 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 56 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 30 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Satu (1) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - 29 Orang : Pemilik Premis Gagal Patuhi Waktu Operasi
- 3 Penguatuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 89 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 31 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,107 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 241 premis perniagaan dan 298 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di BBS Kota Kinabalu, Lintas Plaza dan Bubble Gum Wat Sabah, Lintas Plaza. Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 363 Premis Perniagaan melibatkan 209 anggota APM. Sebanyak satu (1) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 167 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan tiga (3) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 131 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 95 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **97.8%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Marudu	98.5%
2	Keningau	98.5%
3	Kunak	98%
4	Beaufort	98%
5	Kudat	98%
6	Kinabatangan	98%
7	Papar	98%
8	Kota Kinabalu	98%
9	Sandakan	98%
10	Tawau	98%
11	Ranau	98%
12	Kota Belud	97.5%
13	Semporna	97.5%
14	Sipitang	97.5%
15	Penampang	97.5%
16	Lahad Datu	97.5%
17	Beluran	97.5%
18	Tenom	97%
19	Tuaran	97%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**